

SOALAN NO. 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pihak Kementerian telah memberikan bantuan kepada pihak berkuasa negara Singapura, United Kingdom, Australia, Hong Kong, dan Switzerland mengenai siasatan negara-negara tersebut atas 1MDB. Sekiranya ada, perincian butir-butir bantuan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dan bersedia untuk memberikan apa-apa bentuk bantuan kepada mana-mana negara asing, sekiranya diperlukan, selaras dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang negara yang berkaitan, khususnya peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 55

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatan sebarang kajian kos faedah bagi projek membina sebuah bandar pelabuhan dan industri di Pulau Carey yang dikatakan bernilai RM200 billion demi memastikan limpahan ekonomi kepada Pelabuhan Klang dan kawasan sekitar di samping pulangan positif bagi masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelabuhan Klang yang merangkumi dua terminal iaitu Pelabuhan Barat dan Utara yang mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata di paras 8-10% dalam tempoh 10 tahun ini. Pada tahun 2016, Pelabuhan Klang mencatatkanendalian kontena sebanyak 13.2 juta TEUs (*twenty-foot equivalent unit*) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 11.8 juta TEUs. Ini menjadikan Pelabuhan Klang diiktiraf sebagai pelabuhan ke-12 paling sibuk di dunia.

Dalam usaha menggiatkan pembangunan masa hadapan Pelabuhan Klang, Kerajaan telah menjalankan Kajian Pelan Induk Pembangunan Pelabuhan Klang (*Port Klang Development Master Plan Study*) 2010-2030. Kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang ketika ini adalah sebanyak 16.2 juta TEUs.

Berdasarkan kajian tersebut, Pelabuhan Klang akan mencapai tahap keupayaanendalian kontena yang maksimum menjelang tahun 2025. Kajian tersebut mengesyorkan supaya perancangan rapi perlu dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang bagi membolehkan Pelabuhan Klang kekal berdaya saing dengan pelabuhan serantau yang lain khususnya Pelabuhan Singapura.

Sehubungan itu, cadangan untuk mewujudkan sebuah pelabuhan di Pulau Carey masih di peringkat pengubalan dasar Kementerian.